



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

2 NOVEMBER 2020

- 1 Belia digesa terokai potensi ternak arnab pedaging**

OLEH

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2.11.2020	KOSMO	NEGARA	18

Belia digesa terokai potensi ternak arnab pedaging

SETIU – Golongan muda diseru meneroka potensi besar dalam penternakan arnab pedaging.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, penternakan arnab itu tidak memerlukan kos tinggi dan kawasan besar, malah lebih mudah dari segi penjagaan.

Menurutnya, penternakan arnab pedaging juga memberi pulangan lebih cepat kerana haiwan itu sudah matang dan boleh dipasarkan pada usia seawal tiga bulan.

“Induknya pula produktif kerap membiak dengan menghasilkan antara enam hingga 11 ekor anak bagi setiap kelahiran.

“Harga daging arnab di pasaran juga kompetitif,” katanya selepas merasmikan penutup Seminar Potensi Industri Arnab Pedaging dan Fertigasi

Moden untuk Usahawan Muda di Peladang Setiu Agro Resort, Kampung Guntung di sini kelmarin.

Hadir sama Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri, Dr. Mohd. Termizi Ghazali dan Pengurus Lembah Arnab Terengganu, Mohd. Shaharidam Mohamed Isa.

Che Abdullah berkata, daging arnab yang sangat berkhiasat kerana kurang lemak berpotensi besar untuk menjadi sumber protein alternatif selain ayam, lembu, kambing dan ikan.

Ujarnya, kerajaan akan memberi bantuan kewangan, teknikal dan perubatan kepada penternak menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

“Rumah sembelihan arnab yang mempunyai sijil pengesahan halal di seluruh negara akan diperbanyakkan,” ujarnya.



CHE ABDULLAH (tengah) memegang arnab pedaging sambil diperhatikan Mohd. Shaharidam (kanan) di Peladang Setiu Agro Resort, Setiu kelmarin.